

PANDUAN PERMOHONAN
MEMPAMER IKLAN SEMENTARA (KAIN RENTANG / BANTING)
(GUIDELINE FOR APPLICATION FOR INSTALLING BANNER AND STREAMERS)
MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

SYARAT PERMOHONAN:

1. Mengisi dengan lengkap tiga (3) salinan borang permohonan. Kain rentang / banting dan borang permohonan mestilah mendapat ulasan dan cop kelulusan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Sandakan / Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah terlebih dahulu.
2. Penggunaan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia) pada visual iklan mestilah diutamakan. Walau bagaimanapun, terjemahan ke bahasa lain adalah dibenarkan tetapi saiz perkataan yang digunakan mestilah lebih kecil daripada saiz Bahasa Kebangsaan.
3. Digalakkan mendapatkan pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.
4. Perkataan pada kain rentang / banting mestilah pendek, ringkas dan tidak mengandungi sebarang isu sensitif.
5. Kebenaran bertulis daripada pemilik bangunan / struktur / billboard / tempat di mana kain rentang / banting tersebut digantung mestilah diperolehi terlebih dahulu dan dikemukakan bersama borang permohonan kepada Unit Pelesenan.
6. Contoh visual kain rentang / banting perlu disertakan bersama permohonan.
7. Kain rentang / banting yang mengandungi unsur-unsur potongan harga dan promosi perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

SYARAT KELULUSAN:

1. Bayaran permit dikenakan adalah bergantung kepada jumlah atau bilangan kain rentang / banting. Bayaran **RM10.00** untuk sehelai kain rentang / banting dengan tempoh pemasangan satu bulan (30 hari) sahaja atau sehari selepas acara diadakan.
2. Bayaran **RM60.00** sehelai untuk pemasangan kain rentang di struktur yang dibina oleh pihak Majlis.
3. Bayaran permit dan cagaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum kain rentang / banting dipamerkan.
4. Kain rentang / banting yang dipasang dengan tidak sempurna atau elok dipandang atau warnanya telah pudar akan dibuka oleh pihak Majlis.
5. Kain rentang / banting mestilah dibuka satu (1) hari selepas tarikh tamat tempoh yang diluluskan oleh pemohon sendiri.
6. Kelulusan pemasangan kain rentang / banting adalah secara sementara sahaja dan boleh ditarik balik atau dibatalkan pada bila-bila masa dengan notis atau tanpa notis.
7. Jika pihak Majlis memerlukan ruang pemasangan kain rentang / banting untuk acara-acara rasmi, pemohon hendaklah menurunkan dan memindahkan kain rentang / banting ke tempat yang lebih sesuai atau menangguhkan tarikh pemasangan kain rentang / banting tersebut.
8. Pihak Majlis berhak membatalkan atau menarik balik kelulusan sekiranya pemohon melanggar mana-mana syarat pemasangan kain rentang / banting.